

Pelajar perlu contohi sikap ingin tahu Dr. Mahathir

UM - 2/7/2004: 14

KUALA LUMPUR 1 Julai — Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam mahu para pelajar mencontohi sikap ingin tahu Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah membawa banyak pembaharuan dan kemajuan di Malaysia.

Katanya, walaupun beliau dan Dr. Mahathir mempunyai perbezaan pendapat dalam politik tetapi secara keseluruhannya beliau tetap mengagumi sikap bekas Perdana Menteri itu yang banyak mengeluarkan idea-idea di luar jangkaan.

"Ini semua adalah kerana Dr. Mahathir sentiasa mengambil tahu banyak perkara dan berasaskan pengetahuan mengenai beliau mempunyai banyak idea baru sehingga Malaysia boleh mencapai kejayaan seperti membina Menara Berkembar, mengeluarkan kereta Malaysia, litar lumba Formula One dan lain-lain.

"Saya sendiri semasa li-

ma tahun menjadi timbalannya dan jemaah Menteri yang lain terasa payah untuk mengikuti beliau kerana setiap hari Dr. Mahathir mempunyai idea seperti tembakan senjata mesingan yang bertubi-tubi," katanya.

Musa berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran Ucapan Perdana anjuran Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Institut Keselamatan Sosial Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Salleh.

Lebih 300 pemimpin pelajar dari beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta mendengar ucapan tersebut.

Kata Musa, sikap sentiasa ingin mengambil tahu

Dr. Mahathir itu bukan sahaja terbatas kepada perkara-perkara besar tetapi kecil yang sering di pandang remeh oleh orang ramai.

"Akhirnya, beliau (Dr. Mahathir) menjadi seorang pemimpin yang serba tahu sehingga sebatang lampu jalan bengkok dan masalah tandas pun dia tahu," ujarnya.

Selain itu, katanya, pelajar-pelajar juga perlu mencontohi semangat ingin melihat Melayu maju dalam pelbagai bidang.

Kata Musa, Dr. Mahathir memang suka menimbulkan rasa kemarahan Melayu dengan kenyataan-kenyataan yang bersifat provokasi berhubung kelemahan kaum itu.

"Bagaimanapun, beliau berbuat begitu untuk menimbulkan semangat orang Melayu bagi membuktikan apa yang dikatakannya mengenai kelemahan itu tidak benar," katanya.

Musa mengakui, me-

mang ada pihak beranggapan wujudnya kumpulan yang membenci Dr. Mahathir kerana pendekatannya yang terlalu berkeyakinan.

"Tetapi suka atau tidak, ukuran yang penting adalah beliau tetap menang dalam pilihan raya umum sepanjang pemerintahan-nya.

"Dalam UMNO pun, beliau menang tanpa pertandingan sebagai presiden...jadi ini semua suara ramai. Maknanya orang suka beliau," katanya.

Musa juga meminta pelajar-pelajar mencontohi sikap Dr. Mahathir yang sering dicap degil dan keras kepala kerana berpegang teguh dengan pendiriannya.

"Kita perlu mempunyai keyakinan tinggi untuk mencapai kejayaan berlandaskan pengetahuan yang luas dengan sikap ingin tahu," katanya.

Dalam ucapannya juga, Musa memberitahu pela-



MUSA HITAM

jar-pelajar bahawa hubungannya dengan Dr. Mahathir adalah baik walaupun wujudnya banyak pertentangan pendapat dalam politik.

"Dulu ketika saya baru lagi keluar dari kerajaan, saya jemput beliau ke majlis perkahwinan anak saya dengan beranggapan tentu dia tidak akan hadir.

"Tetapi dia menerima jemputan tersebut dengan menyatakan itu (pertentangan) dalam politik tetapi beliau terima jemputan kerana kawan," katanya.